



| | |
|----------------------------|--|
| 1. JAWATAN | : PENASIHAT UNDANG-UNDANG KANAN |
| KEMENTERIAN/JABATAN | : KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA |
| BAHAGIAN | : I |
| TANGGAGAJI | : KUMPULAN 2 (\$5,400 SEBULAN) |
| KEKOSONGAN | : SATU (1) |

KELAYAKAN MINIMUM :

1.
 - i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Undang-Undang atau bidang bersesuaian.
 - ii) Mempunyai kelulusan *Barrister* atau *Certificate in Legal Practice* atau sebanding.
 - iii) Berpengalaman dalam mengamalkan perundangan korporat (*corporate law practice*) atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.
2.
 - i) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Penasihat Undang-Undang Kanan dalam tanggagaji Kumpulan 3 tidak kurang dari 4 tahun.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Timbalan Penasihat Undang-Undang Kanan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.3 tidak kurang dari 8 tahun.
3. Menjadi Ahli salah satu Badan Professional.
4. Hendaklah terlebih dahulu menyediakan 2 kertas kerja yang asli yang memuaskan pihak panel penilaian, berkaitan dengan tugas pegawai tersebut dalam 2 daripada bidang-bidang berikut sebagai satu penilaian kenaikan pangkat:
 - i. Kertas Pembaharuan Perkhidmatan Awam
 - ii. Kertas Kedudukan Pendirian Negara bagi mesyuarat di luar negeri



- iii. Kertas Penggubalan / Penelitian Dasar
- iv. Laporan Tahunan Jabatan
- v. Penyediaan Peruntukan Jabatan
- vi. Kertas Kerja yang berkaitan dengan bidang masing-masing

Kertas kerja yang telah disediakan hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh Setiausaha Tetap di Kementerian masing-masing sebelum dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

5. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENASIHAT UNDANG-UNDANG KANAN:

1. Memberi nasihat mengenai pelbagai isu undang-undang dan peraturan korporat dengan tujuan meningkatkan persekitaran perundangan perniagaan di Negara Brunei Darussalam.
2. Memberi nasihat undang-undang kepada semua jabatan / bahagian di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama [KPSSU] dalam isu-isu mengenai kontrak, perjanjian perkongsian, *non-disclosure agreements*, Memorandum Persefahaman dan Perjanjian (MOU & MOA) perjanjian perikanan, *end-user agreements* dan dokumen undang-undang lain.
3. Mengkaji dan menyemak semula kontrak dan perjanjian dan mencadangkan perubahan dalam mana-mana *legal document* dari mana-mana jabatan-jabatan / bahagian di bawah KPSSU yang ada mentadbir kontrak / dokumen.
4. Berhubung dengan peguam luar (*external counsel*) apabila perlu dan menjadi *focal point* bagi mana-mana konsultasi perundangan dan peraturan dengan agensi-agensi dan pihak-pihak lain bagi mewakili kepentingan [KPSSU].
5. Memberi sokongan kepada KPSSU dan semua jabatan-jabatan di bawahnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan pematuhan (*compliance*) dan pengurusan risiko (*risk management*) yang berkaitan hal-hal perundangan.